Universiti Teknologi MARA
Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

FEBRUARI
2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.



SHAHROL NIZAM BIN JOHOL

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI



Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.



Kampung Padang Kemunting

KualaTerengganu

kredit: faiz zakaria



BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

AKTIVITI PERPUSTAKAAN

KAMPUS

DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

LAWATAN KERJA RASMI

Jabatan Kesenian & Kebudayaan Negara,Terengganu *04 Februari 2026*

Oleh : Ahmad Fathi Azhari







KUALA TERENGGANU, 4 Februari 2026 — Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu telah mengadakan lawatan kerja rasmi ke Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Terengganu (JKKNT) bagi membincangkan potensi kerjasama strategik dalam usaha membangunkan dokumentasi digital warisan negeri secara lebih sistematik.Lawatan ini bertujuan memperkukuh jaringan kerjasama antara kedua-dua institusi, khususnya dalam aspek dokumentasi, pemeliharaan serta penyebaran maklumat berkaitan warisan dan kebudayaan Negeri Terengganu.

Sesi perbincangan turut melibatkan Pengarah JKKNT, Puan Zubariah binti Abdullah bersama beberapa pegawai jabatan yang berkongsi pandangan dan cadangan bagi memperkasa usaha pendigitalan bahan serta pengurusan maklumat warisan secara berperingkat dan berstruktur.Melalui pertemuan tersebut, kedua-dua pihak turut meneroka peluang pelaksanaan projek bersama yang berpotensi memberi impak kepada pemeliharaan khazanah budaya Negeri Terengganu serta memperluas akses kepada sumber maklumat berkaitan warisan tempatan.

Inisiatif ini diharapkan dapat menjadi pemangkin kepada kerjasama berterusan antara Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu dan JKKNT dalam memperkukuh usaha pendigitalan ilmu serta pemeliharaan khazanah warisan Negeri Terengganu demi manfaat generasi masa kini dan akan datang.

SCAN ME

MENYANTUNI

Staf Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT

23 Februari 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari







Ketengah Jaya, 23 Februari 2026 - Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah mengadakan kunjungan kasih ke kediaman Puan Hafsah Mustafa, Pembantu Pustakawan Kanan, sebagai tanda perihatin. Semoga Puan Hafsah dikurniakan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan pada masa akan datang.

SCAN ME

SESI KONSULTASI

Formatting Thesis

11 Februari 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari





Puan Hafsah Mustafa sedang berkonsultasi bersama pensyarah



Cik Asmahani Abdullah turut membantu berkongsi beberapa tips kepada pensyarah

DUNGUN – Dalam usaha memperkasakan kualiti penulisan akademik dan memastikan pematuhan piawaian tinggi bagi graduan pascasiswazah, satu Sesi Konsultasi Formatting Thesis secara bersemuka telah berjaya dilaksanakan baru-baru ini di Perpustakaan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT).

Sesi yang dikendalikan oleh Puan Hafsah Mustafa bersama Cik Asmahani Abdullah ini bertujuan memberikan bimbingan teknikal secara khusus kepada dua orang calon Ijazah Kedoktoran (PhD) UiTMCT dalam menguasai penggunaan MZJ Formatting Style.

SCAN ME









SEMINAR FIQH & KEARIFAN SETEMPAT

26 Februari 2026, Khamis

Oleh : Ahmad Fathi Azhari


















Sekitar Program Fiqh dan Kearifan Setempat



Poster rasmi bagi Program Fiqh dan Kearifan Setempat

DUNGUN, 26 Februari – Perpustakaan Cendekiawan, UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun dengan kerjasama Akademi Zakat (AZKA), Akademi Pengajian Islam dan Kontemporari (ACIS) UiTMCT serta Persatuan Asatizah KAFA Dungun Terengganu (PAKDT) telah menganjurkan Seminar Fiqh dan Kearifan Setempat bertempat di Sudut AZKA @ Library Community Engagement .

Program yang berlangsung dari jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang itu telah menghimpunkan seramai 145 orang Guru KAFA Daerah Dungun bagi memperkukuh kefahaman berkaitan ilmu fiqh serta hubungannya dengan adat, budaya dan amalan masyarakat setempat.



Puan Rohaya Razali sedang memasak bubur lambuk

Penganjuran seminar ini bertujuan memberi pendedahan serta memperluas pemahaman peserta mengenai konsep fiqh yang relevan dengan kearifan tempatan, di samping memperkasa peranan guru KAFA sebagai agen penyebaran ilmu dalam masyarakat.

Selain pengisian ilmiah, program ini turut diserikan dengan aktiviti gotong-royong penyediaan dan pengagihan bubur lambuk yang melibatkan staf Perpustakaan Cendekiawan dan pensyarah ACIS UiTMCT Kampus Dungun untuk diagihkan kepada semua guru KAFA yang hadir. Inisiatif tersebut mencerminkan semangat kerjasama dan kebersamaan antara institusi pendidikan tinggi dan komuniti setempat dalam memupuk nilai kebersamaan serta ukhuwah.



Bergotong- royong bagi menyediakan bahan untuk memasak bubur lambuk



Bubur lambuk yang disediakan bagi para peserta

SCAN ME

SESI LIBAT URUS

Lawatan & Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan

2 Februari 2026

Oleh : Lailatul Akma



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail kepada staf Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP)



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan penerangan berkaitan kaedah pengukuran ketebalan fail bagi tujuan pelupusan rekod kepada Encik Azrol, Kerani Kanan

KUALA TERENGGANU, 2 Februari – Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan Sesi Libat Urus Pengurusan Rekod dan Arkib bersama Bahagian/Pusat Tanggungjawab (PTj) melalui Lawatan dan Khidmat Runding Pelupusan Rekod Jabatan. Program tersebut berlangsung secara bersemuka di Unit Hal Ehwal Pelajar (UHEP), UiTMCT Kampus Kuala Terengganu pada jam 10.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.



Encik Md Kamil bin Ibrahim sedang memberikan penerangan berkaitan tatacara penyimpanan rekod kepada Encik Azrol, Kerani Kanan

Sesi berkenaan dikendalikan oleh Encik Md Kamil bin Ibrahim, Pustakawan Kanan daripada Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Dungun. Unit Hal Ehwal Pelajar pula diwakili oleh lima orang staf yang diketuai oleh Puan Aniza Mohamed, Penolong Pendaftar.

Antara pengisian yang dilaksanakan ialah konsultasi berkaitan kaedah pengurusan fail, penyimpanan rekod, pelupusan rekod serta perkara-perkara berkaitan pengurusan rekod jabatan. Secara keseluruhannya, sesi libat urus ini berjaya meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan rekod yang sistematik dan teratur, di samping membantu memperkukuhkan amalan dokumentasi serta penyimpanan rekod jabatan.

SCAN ME

SESI LIBAT URUS

Proses Penerimaan Rekod Penting Universiti (Fail Peribadi Pelajar)

5 Februari 2026

Oleh : Lailatul Akma



Staf Unit Arkib sedang melaksanakan proses penerimaan rekod penting universiti, iaitu Fail Peribadi Pelajar, ke dalam kenderaan UiTM untuk dibawa ke Perpustakaan Cendekiawan



Encik Md Kamil sedang memberikan penerangan kepada Cik Syukrina Husna, Pegawai Eksekutif, mengenai kepentingan penyerahan rekod penting universiti yang mempunyai nilai arkib

KUALA TERENGGANU, 5 Februari – Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah melaksanakan proses penerimaan rekod penting universiti daripada Unit Rekod, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTMCT Kampus Dungun.

Aktiviti ini telah diketuai oleh En. Md Kamil bin Ibrahim, Pustakawan Kanan, bersama lima (5) orang staf Perpustakaan Cendekiawan. Manakala, Unit Rekod, Bahagian Hal Ehwal Akademik (BHEA), UiTM Cawangan Terengganu Kampus Dungun diwakili oleh Cik Syukrina Husna binti Mat Sa'ad, Pegawai Eksekutif



Encik Sotar sedang melaksanakan proses pemindahan kotak arkib yang mengandungi Fail Peribadi Pelajar di stor penyimpanan arkib

Selain itu, turut dilaksanakan sesi penerangan berkaitan kepentingan penyerahan rekod penting universiti yang mempunyai nilai arkib, khususnya Fail Peribadi Pelajar, kepada Unit Arkib, Perpustakaan Cendekiawan UiTM Cawangan Terengganu. Sebanyak 45 kotak fail yang mengandungi 1,795 rekod Fail Peribadi Pelajar dalam bentuk fizikal telah diterima melalui proses penerimaan rasmi.

Seterusnya, proses pendigitalan Fail Peribadi Pelajar akan dilaksanakan menerusi inisiatif digital iaitu Archive Management System (AMS) yang digunakan bagi tujuan merekod metadata serta memuat naik bahan arkib universiti untuk rujukan penyelidikan warga universiti dan pihak berkepentingan.


SCAN ME

PROGRAM GOTONG- ROYONG

Memindahkan perabot dan alatan pejabat untuk bilik Ketua Perpustakaan Kampus

5 Februari 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Staf Unit Bahagian Pengurusan Fasiliti juga turut serta membantu mengangkat rak & almari ke dalam bilik baharu di aras dua.

BUKIT BESI, 5 Februari – Unit Perpustakaan Cendekiawan dengan kerjasama Unit Pengurusan Fasiliti Kampus Bukit Besi telah melaksanakan gotong-royong memindahkan perabot dan alatan pejabat milik Ketua Perpustakaan Kampus dari Anjung, Aras 3 ke bilik baharu yang berada di aras 2.



Encik Mohd Shahnizam Mat Zain menunjukkan bilik baharu beliau.



Antara staf perpustakaan yang terlibat sama

Program ini dilaksanakan bertujuan untuk mengembalikan fungsi asal bilik dan memaksimakan penggunaan ruang kerja agar lebih konduksif dan teratur.

Unit Perpustakaan merakamkan ribuan terima kasih kepada semua staf yang meluangkan masa untuk membantu.

SCAN ME

KUNJUNGAN HORMAT

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Terengganu

8 Februari 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Ketua Perpustakaan Kampus bergambar bersama dengan ahli MPP

BUKIT BESI, 5 Februari – Kunjungan hormat ini bertujuan sebagai sesi pengenalan barisan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UiTM Cawangan Terengganu di samping mengeratkan hubungan kerjasama antara pengurusan dan wakil pelajar.

Selain itu, sesi ini turut menjadi platform untuk mendapatkan pencerahan berkaitan peranan dan fungsi unit dalam menyokong kebajikan serta pembangunan pelajar.

Semoga hubungan strategik ini terus diperkukuhkan demi kecemerlangan warga UiTM Cawangan Terengganu Kampus Bukit Besi.



Sesi bergambar bersama Timbalan Pendaftar, Encik Talmizi Muda serta ketua- unit masing- masing.



Sesi perbincangan dua hala sedang berlangsung.

SCAN ME

PEMBENTANGAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI

22 Februari 2026
Oleh : Nurmaisari Che Anuar

KUALA TERENGGANU, 22 Februari – Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT Kampus Kuala Terengganu telah mengadakan sesi pembentangan oleh Muhammad Syamil Haziq bin Mohd Kamal, pelajar latihan industri, Diploma Sains Komputer (CS110), Fakulti Sains Komputer dan Matematik.






Pelajar latihan indutsri bersama Staf perpustakaan dan pembentangan tugasan

Sesi pembentangan telah disampaikan oleh pelajar tersebut sepanjang latihan industri bermula 9 September 2025 sehingga 22 Februari 2026. Pelajar tersebut telah membentangkan berkenaan tugasan serta projek yang dilaksanakan antaranta pembangunan video korporat perpustakaan. Selain itu, pelajar turut dilantik sebagai pengacara majlis serta menjadi fasililitator bagi program perpustakaan.







Pelajar latihan industri membentangkan tugasan



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI